



**PIHAK BERKUASA TEMPATAN
TAMAN PERINDUSTRIAN HI-TECH KULIM
PANDUAN PERMOHONAN PULANGAN BALIK CUKAI TAKSIRAN**

- 1. Apakah yang boleh dibuat oleh pemilik jika premisnya kosong dan untuk disewa?**

Pemilik boleh memohon pulangan balik cukai taksiran.

- 2. Apakah yang dimaksudkan dengan pulangan balik cukai taksiran?**

Pulangan balik cukai taksiran adalah diperuntukan di bawah Seksyen 162 Akta Kerajaan Tempatan 1976 di mana pembayar cukai boleh memohon cukai taksiran yang telah dibayar bagi setengah tahun kini dikembalikan sekiranya premis mereka adalah kosong dan untuk disewa.

- 3. Siapakah yang layak memohon pulangan balik cukai taksiran?**

Pembayar cukai yang ingin menyewakan premisnya tetapi premisnya masih kosong dan belum mendapat penyewa.

- 4. Apakah yang perlu saya buat sekiranya premis saya kosong dan belum mendapat penyewa?**

Menulis surat dengan segera (dalam tempoh 7 hari) untuk memberitahu Unit Penilaian Pihak Berkuasa Tempatan TPHTK bahawa premis anda adalah kosong dan untuk disewa supaya layak dipertimbangkan pulangan balik cukai taksiran.

Alamatkan surat anda kepada :-

Yang Dipertua
Pihak Berkuasa Tempatan,
01-02 KHTP Administrative Centre,
09090 Kulim Hi-Tech Park,
Kedah Darul Aman.

5. **Premis saya telah disewakan sekarang. Akan tetapi pada tahun lepas, premis saya kosong dan tidak mendapat penyewa. Bolehkah saya memohon pulangan balik cukai taksiran bagi tempoh masa tersebut?**

Tidak, permohonan bagi premis yang kosong dan untuk disewa pada setengah tahun terkini hanya akan ditimbang. Permohonan pulangan bagi premis yang kosong pada tahun lepas tidak akan dipertimbangkan kerana masa untuk pertimbangan telah lepas.

6. **Premis saya belum disewakan sekarang dan premis saya mungkin masih kosong pada tahun hadapan, adalah saya layak memohon pulangan balik cukai taksiran?**

Tidak, permohonan tuntutan pulangan bagi premis yang kosong bagi tempoh masa hadapan tidak dipertimbangkan kerana tuntutan hanya boleh bagi premis kosong pada tempoh semasa sahaja.

7. **Bilakah tarikh kuatkuasa pulangan balik cukai taksiran bermula, tempoh masa kekosongan bagaimana dan pulangan cukai dikira?**

Sila lihat contoh Premis A dan Premis B.

Tarikh kuatkuasa pulangan balik cukai taksiran bermula adalah mengikut tarikh surat diterima oleh PBT TPHTK. Bagi premis A pemiliknya telah memberitahu PBT TPHTK sejak awal lagi oleh itu tarikh kuatkuasa pulangan akan bermula pada 1 Januari (Setengah tahun berkenaan).

Bangunan	Cukai Setahun	Tarikh Kosong	Tarikh Pulangan Bermula	Disewa/ Tarikh Disewa	Akhir Setengah Tahun Pertama
Premis A	RM 1,200.00	1.1.2001	1.1.2001	1.5.2001	30.6.2001
Premis B	RM 1,200.00	1.1.2001	15.1.2001	Tidak	30.6.2001

Bagaimana tempoh masa pulangan dikirakan

Bangunan	Tarikh Pulangan Bermula	Disewa/ Tarikh Disewa	Akhir Setengah Tahun Pertama	Tempoh Kosong	Bilangan Hari Kosong
Premis A	1.1.2001	1.5.2001	30.6.2001	1.1.2001 hingga 1.5.2001	120 Hari
Premis B	15.1.2001	Tidak	30.6.2001	15.1.2001 hingga 30.6.2001	166 Hari

Bagaimana bayaran pulangan cukai taksiran dikirakan

Premis A	Premis B
Tempoh masa kosong dari 1.01.2001 Hingga 1.05.2001 =120 hari Pulangan = RM 1,200 x 120/365 RM 394.52 x 50% RM 197.26	Tempoh masa kosong dari 15.01.2001 Hingga 30.6.2001 =166 hari Pulangan = RM 1,200 x 166/365 RM 545.75 x 50% RM 272.87

8. **Adakah permohonan pulangan balik cukai taksiran boleh dibuat bagi mana-mana tingkat bangunan yang tidak dapat disewakan?**

Boleh

9. **Adakah permohonan pulangan dapat balik cukai taksiran boleh dibuat bagi sebahagian keluasan bangunan yang tidak dapat disewakan?**

Boleh dengan syarat keluasan bangunan tersebut hendaklah melebihi 1000 kaki persegi dan mempunyai ruang laluan tersendiri.

10. **Apakah syarat-syarat yang membolehkan sesuatu permohonan pulangan balik cukai taksiran diluluskan?**

- Memberi notis bertulis dalam tempoh 7 hari kepada PBT TPHTK sebaik sahaja premis menjadi kosong dan untuk disewa seterusnya mengisi 'Borang Permohonan Pulangan Balik Cukai Taksiran' yang boleh diperolehi di Unit Penilaian PBT TPHTK.
- Tempoh kekosongan hendaklah melebihi 1 bulan kalender dalam mana-mana penggal proses pulangan balik cukai taksiran.

Contoh : Proses pulangan balik cukai taksiran dibuat 2 x setahun iaitu :-

½ tahun Pertama – 1 Januari - 30 Jun

½ tahun Kedua – 1 Julai - 31 Disember

Jika notis permohonan diterima pada 10 Jun maka tempoh kekosongan pada ½ tahun pertama tidak diluluskan kerana tempoh kekosongan kurang dari 1 bulan.

- Bangunan tersebut hendaklah **KOSONG** dan untuk **DISEWAKAN** serta berada dalam keadaan **BAIK** dan **LAYAK** untuk diduduki.
- Cukai taksiran bagi tempoh tuntutan telah dibayar dan tidak ada tunggakan cukai
- Usaha-usaha untuk mendapat penyewa telah dijalankan dan mesti dibuktikan. Berikut adalah contoh untuk mendapat penyewa :-
 1. Papan kenyataan 'untuk disewa' (Siasatan Tapak akan dibuat oleh pegawai PBT TPHTK)
 2. Iklan untuk disewa (Resit bayaran iklan akan diminta oleh PBT TPHTK sebagai bukti)
 3. Melantik agen hartanah untuk mendapat penyewa (Surat lantikan akan diminta oleh PBT TPHTK sebagai bukti)
 4. Bil air dan bil elektrik bagi tempoh premis itu kosong **WAJIB** disertakan
- Membuat tuntutan pulangan balik cukai taksiran dengan mengisi 'Borang Tuntutan BP9' yang dihantar oleh PBT TPHTK pada bulan Jun untuk proses pulangan ½ tahun pertama dan bulan Disember untuk proses pulangan ½ tahun kedua dan dikembalikan tidak lewat dari 1 bulan kalender selepas berakhirnya penggal proses pulangan.

11. Bagaimana proses pulangan balik cukai taksiran dijalankan?

Proses pulangan balik cukai taksiran dijalankan dua kali setahun iaitu setengah tahun pertama dari bulan Januari hingga Jun dan setengah tahun kedua dari bulan Julai hingga Disember. Di dalam tempoh berkenaan pegawai PBT TPHTK akan membuat siasatan di tapak bagi memastikan premis tersebut adalah kosong dan untuk disewakan. Usaha-usaha untuk mendapatkan penyewa mesti dibuktikan. Sebaik sahaja tempoh pulangan setengah tahun pertama berakhir pada bulan Jun atau setengah tahun kedua berakhir pada bulan Disember, pihak Unit Penilaian PBT TPHTK akan menghantar Borang Tuntutan Pulangan Balik Cukai Taksiran (BP9) untuk diisi dan dikembalikan dalam tempoh 1 bulan selepas berakhirnya tiap-tiap penggal proses pulangan balik cukai taksiran. Sekiranya pemilik gagal mengemukakan Borang Tuntutan BP9 dalam tempoh 1 bulan tersebut, permohonan pulangan balik cukai taksiran tidak akan dipertimbangkan. Keputusan gagal atau Berjaya akan diberitahu dalam tempoh 4 bulan selepas berakhirnya tiap-tiap penggal proses pulangan tersebut.